

Tunku Azizah lancar Pandu Puteri Siswi PPPM

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenan melancarkan Pandu Puteri Siswi Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) di Dewan Besar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, dekat sini, semalam.

Tunku Azizah yang juga Penang Diraja PPPM, dalam titah ucapan baginda, meminta pihak pengurusan di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA), swasta (IPTS) dan Kolej Politeknik untuk turut menubuhkan Pandu Puteri Siswi PPPM supaya dapat disertai lebih ramai mahasiswa.

“Setakat ini kita baru ada ahli Pandu Puteri Siswi PPPM dari lima Universiti Awam (UA) di seluruh negara. Kita berhasrat untuk menambah lebih ramai ahli daripada jumlah sedia ada ketika ini (2018) iaitu 834 orang,” titah baginda ketika majlis pelancaran itu.

Lima UA berkenaan adalah UPM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP).

Pada majlis itu, Raja Permai-



Tunku Azizah diiringi Tunku Soraya berkenan melihat pameran selepas melancarkan Pandu Puteri Siswi di UPM, semalam. (Foto BERNAMA)

suri Agong turut diiringi Timbalan Yang Dipertua PPPM, Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Abdul Halim Mu'adzam Shah, dan Ketua Pesuruhjaya PPPM, Datuk Jayadhevi Subramaniam.

Sementara itu, Tunku Soraya,

bertitah PPPM mempunyai visi 'Menerajui Perkembangan Potensi Gadis dan Wanita dalam Membawa Perubahan', serta mempunyai komitmen melahirkan wanita remaja dan dewasa yang berkualiti demi kepentingan negara.

“Misi kami adalah bagi menyokong gadis dan wanita muda membangunkan potensi mereka sebagai pemimpin dan warganegara aktif melalui pelbagai program kepimpinan,” katanya. **BERNAMA**